

KENYATAAN MEDIA

**Suruhanjaya Tenaga**

(*Energy Commission*)

12, Jalan Tun Hussein

Precinct 2

62100, Putrajaya

Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

## **Suruhanjaya Tenaga Baiki Sistem Pendawaian Usang Di Rumah Sejahtera dan Maahad Tahfiz Al-Quran Ar-Raudah**

**Kangar, 11 Disember** – Rumah Sejahtera dan Maahad Tahfiz Al-Quran Ar-Raudah telah dipilih dalam pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSI) Suruhanjaya Tenaga (ST), iaitu program *Touchpoint*.

Program *Touchpoint* ini melibatkan pemeriksaan pendawaian sedia ada dan yang telah usang, di mana kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST.

Kerja-kerja pembaikan di kedua-dua premis tersebut telah mula dijalankan pada 3 Jun 2020, di mana sistem pendawaian yang rosak dan Peranti Arus Baki (PAB) pada Papan Agihan (DB) premis yang didapati tidak menepati standard, telah dibaiki dan diganti dengan kelengkapan yang diluluskan oleh ST.

Pengarah Kawasan ST Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Muhamad Azmi Ishak berkata pelajar dan orang ramai perlu sentiasa peka dengan aspek keselamatan elektrik di kediaman masing-masing, dan pendawaian elektrik perlu dilaksanakan berpandukan kepada piawaian teknikal yang telah ditetapkan oleh ST.

“Perlantikan kontraktor yang berdaftar dengan ST adalah penting dalam memastikan keselamatan diutamakan,” katanya.

Muhammad Azmi berkata orang ramai juga perlu menguji peranti arus baki (PAB) yang terdapat di papan agihan (*distribution board*) di kediaman masing-masing sekurang-kurangnya sebulan sekali dengan menekan butang (T) yang terdapat pada alat tersebut.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

"Ini dapat mengesahkan samada PAB tersebut berfungsi atau tidak, kerana alat inilah yang boleh mengelakkan kes-kes renjatan elektrik atau kebakaran sekiranya berlaku kebocoran arus," ujar beliau.

Program Touchpoint ini merupakan sebahagian dari usaha ST untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang keselamatan elektrik, disamping membantu golongan yang tidak berkemampuan memastikan pendawaian elektrik di premis yang mereka duduki berada dalam keadaan selamat.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

Azlinna Mohammad Jais/ Zairullati Mali / Muhammad Harith Safruddin  
Unit Promosi dan Hubungan Luar  
Tel: 03 8870 8753/03 8870 8598/03 8870 8661/016 3822545 (Harith)  
Faks: +603 8888 8636  
Emel: azlinamj@st.gov.my/zairullati@st.gov.my /harith@st.gov.my

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.